

Headline	KAYUHAN TANAH SUCI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	19	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	825 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 32,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,500



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah R'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan bergambar pada Istiadat Khas Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Pahang di Istana Negara, semalam.

KAYUHAN TANAH SUCI



PESERTA Kayuhan Kembara Berbasikal ke Makkah, Abdul Halim Talha 56, memulakan kayuhan di Masjid Jamek Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam. Empat rakyat Malaysia iaitu Ahmad Mohd Isa, 35, isterinya, Noradilah Mohd Sapie, 36, bersama bekas wartawan sambilan Pertubuhan Perita Nasional Malaysia (Bernama), Che Saad Nordin, 73, dan Abdul Halim yang juga kakitangan FRIM memulakan kayuhan basikal ke Tanah Suci Makkah bagi menunaikan ibadat haji membabitkan perjalanan sejauh 12,000 kilometer (km).



MURID Sekolah Kebangsaan Padang Temu, Melaka menggunakan tandas yang dinaik taraf. Inisiatif peruntukan sekali beri (*one off*) sebanyak RM70,000 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk setiap sekolah kerajaan bagi penyelenggaraan tandas dan lain-lain. Sebanyak 225 sekolah di bawah KPM di Melaka terabit dalam projek yang mengambil masa lapan minggu bermula pada 18 Ogos hingga 12 Oktober lalu.



PEMANDU bas kilang yang hanya ingin dikenali sebagai Farizan, 55, melakukan aktiviti menjala udang. Dia yang berasal dari Tasek Gelugor melakukan aktiviti menjala udang antara dua hingga empat jam selepas menghantar pekerja ke kilang di kawasan Perindustrian Kilang Bayan Lepas, Georgetown.